

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Datuk Mohd Idris bin Jusi**  
**[ Batu Pahat ]**

**SOALAN : Datuk Mohd Idris bin Jusi minta**  
**MENTERI PERTANIAN DAN**  
**INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

menyatakan berapa ramai nelayan pantai di dalam Parlimen Batu Pahat dan apa usaha yang telah dilakukan bagi membela nasib mereka dan setakat mana keberkesanan usaha-usaha tersebut.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada perangkaan tahun 2015 oleh Jabatan Perikanan Malaysia, bilangan nelayan pantai di Parlimen Batu Pahat adalah berjumlah 980 orang.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dalam usaha untuk meringankan beban nelayan termasuk di Parlimen Batu Pahat telah melaksanakan beberapa program seperti berikut:

1. Bantuan dan insentif kepada nelayan

Meneruskan pemberian bantuan dan insentif kepada nelayan seperti pemberian elaun sara hidup nelayan, bantuan skim subsidi dan petrol nelayan serta insentif pendaratan ikan.

2. Pelaksanaan projek khas perumahan nelayan

Sehingga kini sebanyak 154 buah rumah nelayan dengan nilai berjumlah RM1.5 juta telah siap dibaik pulih di Parlimen Batu Pahat. Pelaksanaan projek ini secara tidak langsung dapat membantu nelayan

menjalani kehidupan yang lebih selesa dan kualiti hidup yang lebih baik.

3. Bantuan pembinaan jeti-jeti nelayan

Sebanyak 5 buah jeti nelayan dengan peruntukan berjumlah RM1.2 juta telah dibina di Parlimen Batu Pahat. Jeti-jeti tersebut seperti di Rengit, Parit Botak, Senggarang, Koris dan Minyak Beku dilihat mampu menggalakkan pendaratan ikan di kawasan berkenaan disamping membantu meningkatkan pengendalian dan kualiti ikan yang lebih baik.

4. Mewujudkan pasar nelayan

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah membina Pasar Nelayan Batu Pahat yang kini diusahakan oleh Persatuan Nelayan Batu Pahat. Dengan wujudnya pasar nelayan ini, nelayan-nelayan dapat menjual ikan kepada persatuan nelayan dengan harga dan margin keuntungan yang lebih baik.

Dari tahun 2014 sehingga 2016, nilai jualan di Pasar Nelayan Batu Pahat dianggarkan berjumlah RM2.8 juta. Keuntungan yang diperolehi diagihkan kepada ahli-ahli persatuan dalam bentuk dividen.

Usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia secara amnya dapat membantu menampung kos sara hidup dan pengoperasian penangkapan ikan. Namun begitu, tahap kesejahteraan sosial dan impak keberkesanan program-program yang telah dilaksanakan kepada nelayan secara keseluruhannya hanya dapat dinilai melalui bancian sosio ekonomi nelayan dan data isi rumah yang sedang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.